



**SIARAN AKHBAR
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT**

**MAJLIS PELANCARAN SISTEM TEKSI BERMETER
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Jumaat, 23 September 2016: Majlis Pelancaran Sistem Teksi Bermeter Negara Brunei Darussalam oleh Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan telahpun dilancarkan pada pagi ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah **Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat**, Menteri Perhubungan yang dialu-alukan oleh **Dr Supry bin Haji Ag Ladi**, Pengarah Pengangkutan Darat yang juga Pengerusi Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor (MTLA) selaku Pengerusi Majlis. Hadir sama ialah **Haji Azhar bin Haji Ahmad**, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan; Ahli-Ahli Jawatankuasa Pandu Projek Peningkatan Sistem Pengangkutan Awam, jemputan-jemputan khas serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan dibawahnya.

Bagi memberkati majlis pelancaran, bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Mulia Imam Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang, Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Ini diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua Persatuan Pemandu-Pemandu Teksi Negara Brunei Darussalam, Awang Sia Ho Chai.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Tetamu Kehormat, Yang Berhormat Menteri Perhubungan dengan pemotongan ribbon Teksi-Teksi Bermeter diikuti oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Pandu Projek Peningkatan Sistem Pengangkutan Awam Negara Brunei Darussalam. Tetamu Kehormat bersama Ahli-Ahli Jawatankuasa Pandu serta jemputan khas juga berkesempatan untuk menaiki teksi bermeter secara berkumpulan mengelilingi destinasi-destinasi terpilih di sekitar Bandar Seri Begawan.

Sistem Teksi Bermeter Negara Brunei Darussalam memastikan semua teksi di negara ini dibekalkan dengan meter bagi memastikan penumpang membayar kadar perjalanan yang selaras dan dikawalselia. Melalui Sistem Teksi Bermeter ini, kadar menaiki teksi sehingga 10 kilometre perjalanan akan berharga \$12. Walaubagaimanapun, kadar ini boleh bertambah tertakluk kepada kesesakan lalu lintas. Dengan sistem bermeter ini, perjalanan akan dikawal melalui masa dan kejauhannya. Maka perjalanan yang lebih dekat akan menjadi lebih murah. Sebelum sistem ini, kadar teksi sehingga 10 kilometer perjalanan adalah antara B\$20.00 hingga B\$40.00.

Teksi-teksi Bermeter kini juga mempunyai imej baru dengan plet tanda pengenalan berwarna hitam dan Papan Tanda Teksi mudah-alih yang berkuatkuasa pada hari ini, 23 September 2016. Selain itu, teksi-teksi juga tidak dimestikan beratap warna kuning lagi dan mana-mana warna kenderaan boleh digunakan yang diluluskan oleh pihak JPD. Perkataan atau “*wording*” di tepi badan teksi juga ditiadakan. Pemandu-pemandu teksi juga akan mempunyai kad pengenalan pemandu yang perlu dipamerkan di dalam kenderaan untuk pengetahuan penumpang. Di samping itu juga, dalam usaha memastikan tahap perkhidmatan yang baik dan selamat, nombor aduan untuk kegunaan penumpang membuat aduan perilaku pemandu teksi juga diletakkan di dalam dan di luar kenderaan teksi pada bahagian belakang.

Pengenalan Sistem Teksi Bermeter ini merupakan sebahagian dari inisiatif Kementerian Perhubungan ke arah mewujudkan sistem pengangkutan awam yang dikawalselia, berkaithubungan (*connected*) dan boleh diharap (*reliable*). Ianya juga merupakan langkah untuk menggalakkan orang ramai sebagai penumpang untuk tidak menggunakan teksi sapu dalam sebarang perjalanan mereka. Ini bukan sahaja bagi memelihara keselamatan penumpang tetapi bagi memastikan pendapatan perkhidmatan pengangkutan awam lain yang sah tidak terjejas.